

## Tesis penanaman pokok gaharu bawa buah penerima anugerah

UB 16.12.2022 P.08

**KOTA KINABALU:** Graduan Program Teknologi dan Industri Kayu Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Alexander Irvin Joseph, 25, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kelestarian Hutan Freezailah.

Beliau dipilih berdasarkan kecemerlangan akademik dan tesis bertajuk 'The Effect Of Different Inoculants on The Wood Properties and Agarwood Formation of Aquilaria Malaccensis (Karas) Branch Wood'.

Menurutnya, tajuk tesis itu dipilih kerana ia dekat dengan pengalaman sendiri di kampung selain memberi kesedaran kepada masyarakat tempatan tentang manfaat penanaman pokok gaharu yang boleh membawa pulangan lumayan.

"Saya amat gembira dan tidak menyangka terpilih menerima anugerah ini memandangkan ramai rakan-rakan juga cemerlang dan hebat-hebat belaka.

"Namun saya bersyukur dan berterima kasih kerana terpilih sebagai penerima,"



**ANUGERAH:** Alexander (lima dari kiri) ketika menerima Anugerah Kelestarian Hutan Freezailah.

katanya ketika ditemui sempena majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-24 di sini baru-baru ini.

Beliau meraih Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) \* 3.79 sekali gus tersenarai

sebagai graduan kelas pertama.

Dengan penganugerahan itu, Alexander turut membawa pulang wang bernilai RM2,000 yang disampaikan oleh Pro-Canselor UMS Tan

Sri Azman Hashim dan disaksikan oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor.

Anugerah Anugerah Kelestarian Hutan Freezailah mula diberikan pada

2016 bagi menghargai jasa Pengerusi Pengasas Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC) Datuk Dr. Freezailah Che Yeom yang berkhidmat selama 17 tahun.